

UCHAPAN YANG BERHORMAT MENTERI PELAJARAN DI-
UPACHARA PERASMIAN HARI TERBUKA MAKTAB TEKNIK,
22HB JANUARI, 1972 Jam 11.30 pagi

Pada hari ini, saya ingin menyatakan perasaan sukachita saya terhadap langkah yang telah di-ambil oleh Maktab Teknik mengadakan Hari Terbuka ini, lebeh² lagi kerana ada-nya sharikat² swasta yang ada kaitan dengan teknologi, mengambil bahagian bersama². Saya ingin menguchapkan tahniah kepada semua pihak yang berkaitan, dan juga menguchapkan terima kaseh kepada sharikat² swasta yang menyertai Hari Terbuka ini.

2. Kerjasama di-antara pihak swasta dan Maktab ini ada-lah sewajar-nya kerana lepasan dari Maktab ini bukan hanya di-perlukan di-Jabatan² Kerajaan sahaja, tetapi juga oleh pihak swasta. Saya berharap kerjasama yang lebeh erat lagi di-antara sharikat² teknologi swasta dan Maktab ini akan terjalin.

3. Sebagai yang telah di-nyatakan oleh Pengetua Maktab ini tadi, tujuan utama Hari Terbuka ini ia-lah untuk mengenalkan Maktab ini dengan sechara yang lebeh dekat lagi kapada masharakat penuntut2 yang mungkin akan menyambongkan pelajaran mereka ka-Maktab ini, dan juga untuk mengenalkan Maktab ini kapada masharakat seluruhnya. Ini ada-lah tujuan yang baik dan sesuai dengan chita2 negara, untuk membena masharakat progresif yang akan menggunakan sains dan tekholoji moden. ^{Tuan} ~~Enche~~2 dan puan2 sedia maklum bahawa Kementerian Pelajaran adalah sedang giat berusaha menggalakkan dan memperkembangkan pelajaran vokeshen, ^{al} sains dan teknik. Sebagai yang ^{Tuan} dapat ~~Enche~~2 dan puan2 perhatikan di-dalam kampos Maktab ini, beberapa bangunan yang baharu sedang di-bena dan sebagai yang telah saya umumkan di-Hari Diploma Maktab ini pada bulan Disember yang lalu, Maktab ini

akan memulakan kursus peringkat ijazah di-dalam bidang teknologi mulai dari tahun ilmiah 1972/1973, ini.

4. Saya perchaya dengan tugas2 baharu yang di-berikan kepada Maktab ini nanti, peranan Maktab ini di-dalam pembangunan negara akan menjadi lebeh penting lagi. Saya harap penuntut2 di-Maktab ini sedar akan tanggung-jawab mereka dan akan terus berusaha dan berjaya di-dalam pelajaran masing2. Masa depan, ahli2 teknik di-negara kita ini sangat-lah cherah. Dengan ada-nya Hari Terbuka ini, dapat-lah masharakat kita yang berpeluang menyaksikan Hari Terbuka ini, mengenal latehan yang di-beri oleh Maktab ini kepada bakal ahli teknik negara kita ini. Moga2 dengan itu akan bertambah-lah bilangan ibu bapa dan penuntut yang tertarek dan chenderong kepada bidang teknologi.

5. ~~Dengan nama Allah Yang Amat Pemurah Lagi Amat~~
Dengan ini
Penyayang/saya dengan sukachita merasmikan Hari Terbuka Maktab Teknik ini.

akan memulakan kursus peringkat ijazah di-dalam bidang
teknologi mulai dari tahun ilmiah 1972/1973, ini.

4. Saya percaya dengan tugas baharu yang di-
berikan kepada Maktab ini nanti, peranan Maktab ini

di-dalam pembangunan negara akan menjadi lebih penting
jadi. Saya harap penuntut di-Maktab ini sedar akan

tanggung-jawab mereka dan akan terus berusaha dan berjaya
di-dalam pelajaran masing-masing. Masa depan, ilmu teknik

di-negara kita ini sangat-lah cerah. Dengan ada-nya
Hari Terbuka ini, dapat-lah masyarakat kita yang berpeluang

menyaksikan Hari Terbuka ini, mengenai latihan yang di-
beri oleh Maktab ini kepada bakal ahli



ini. Moga dengan itu akan bertambah-
bapa dan penuntut yang tertarik dan ch

bidang teknologi.
5. Dengan nama Allah Yang Amat Pemurah lagi Amat

Pengyang saya dengan sukacita merasmikan Hari Terbuka
Maktab Teknik ini.

No Siri 86
No. Penerimaan 86/80